# GARIS PANDUAN GERAN GUP TIER 1 FASA 1/2018

| PERKARA | KETERANGAN |
|---|---|
| **Objektif** | Dapat melahirkan penyelidik yang berdedikasi dalam menyumbang KPI RU. |
| **Syarat Khusus** | 1. Pemohon mestilah terdiri daripada staf akademik tetap atau kontrak UTM.<br>2. Bagi pemohon staf akademik kontrak perlu melibatkan DUA (2) orang staf akademik bertaraf tetap sebagai ahli projek.<br>3. Bilangan minimum keahlian dalam projek penyelidikan ini adalah DUA (2) orang staf akademik termasuk Ketua Projek. |
| **Syarat Permohonan** | 1. Permohonan perlu berkonsepkan penyelesaian masalah industri / komuniti / agensi kerajaan.<br>2. Pemohon perlu menyertakan bukti kolaborasi seperti surat atau email rasmi setuju kerjasama daripada rakan industri / komuniti / agensi kerajaan / antara bangsa.<br>3. Rakan industri / komuniti / agensi kerajaan / antara bangsa digalakkan untuk memberi sumbangan berbentuk tunai atau 'in-kind'. |
| **Kelayakan Pemohon** | 1. Bagi yang mempunyai geran GUP Tier 1 pada tahun semasa, geran tersebut mestilah mencapai KPI berikut pada tarikh tutup permohonan iaitu **31 Oktober 2017**:<br>i. 70% perbelanjaan daripada jumlah peruntukan diluluskan<br>ii. 70% kemajuan projek (*milestone*) tercapai |
| **Kriteria Pemilihan Proposal** | 1. Permohonan proposal mestilah yang mempunyai elemen kompetitif<br>2. Ketua Projek mestilah mempunyai penerbitan dalam Jurnal berindeks dalam tempoh 3 tahun terkini<br>3. Ketua Projek mestilah mempunyai *track record* sebagai *Principal Investigator (PI)* dalam tempoh 2 tahun terkini iaitu **selain** tajaan universiti |
| **Tempoh** | 1. Tempoh projek penyelidikan tidak melebihi **24 bulan.**<br>2. Perlanjutan tempoh hanya dibenarkan sekali sahaja sepanjang tempoh projek (**tempoh maksima 6 bulan**).<br>3. Tarikh mula projek adalah pada **1 Februari 2018.** |
| **Amaun**<br><br>**(Quantum of Funding)** | 1. Jumlah maksima peruntukan yang boleh diluluskan untuk setiap proposal R&D adalah seperti berikut:<br>i. Bidang S&T : Tidak melebihi RM50,000.00<br>ii. Bidang Non S&T : Tidak melebihi RM30,000.00<br>2. Peruntukan tahun pertama akan disalurkan bersama surat tawaran.<br>3. Peruntukan seterusnya akan disalurkan berdasarkan syarat berikut:<br>i. 25% kemajuan projek (*milestone*) telah tercapai<br>ii. 75% perbelanjaan daripada peruntukan pertama telah tercapai |

<table>
<tr><td></td><td>iii. Telah menghantar semua laporan kemajuan mengikut tempoh yang ditetapkan.<br><br>4. Perbelanjaan adalah mengikut capping dalam v-siri seperti berikut:<br><br>i. V21000 : 20% daripada jumlah peruntukan lulus<br>ii. V35000 : 40% daripada jumlah peruntukan lulus</td></tr>
<tr><td>Lokasi</td><td>Projek hanya boleh dijalankan di Malaysia sahaja</td></tr>
<tr><td>Output</td><td>Output projek adalah seperti berikut :<br><table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Output</th></tr>
<tr><td>Bilangan Artikel dalam Jurnal Berindeks</td><td>Setiap amaun peruntukan RM20,000 perlu menghasilkan SATU (1) Artikel Jurnal Berindeks bagi tempoh penyelidikan di mana penulis utama adalah Ketua Projek</td></tr>
<tr><td>Geran Luar<br>(selain tajaan universiti dan Networking Grant iaitu geran sepadan daripada institusi kerajaan, swasta,industri ataupun antara bangsa)</td><td>100%</td></tr>
<tr><td>Modal Insan (RSG/SPB /RARO)</td><td>1 orang</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>Proses Permohonan</td><td>Semua permohonan bagi GUP mestilah diisi secara atas talian di https://radis.utm.my</td></tr>
<tr><td>Penilaian Proposal</td><td>1. Proposal dinilai di peringkat RA oleh sekurang-kurangnya DUA (2) orang panel penilai.<br><br>2. Proses penilaian hanya dilakukan sekali sahaja. Penyelidik perlu memastikan proposal yang dihantar adalah berkualiti dan menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan.<br><br>3. Kelulusan proposal akan diperakukan dalam Mesyuarat Panel Penilaian Proposal Penyelidikan.</td></tr>
<tr><td>Keputusan</td><td>1. Keutamaan kelulusan proposal akan dibuat berdasarkan pencapaian output geran GUP yang lepas.<br><br>2. Keputusan penilaian dan pemilihan proposal adalah muktamad.</td></tr>
</table>